

BAB V

RUMUSAN

5.1 Pendahuluan

Dalam bab ini perbincangan akan dibahagikan kepada empat bahagian iaitu ringkasan kajian, perbincangan , kesimpulan dan cadangan kajian lanjutan.

5.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat persepsi pelajar tingkatan empat terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA). Persepsi yang dikaji dibahagikan kepada dua aspek iaitu tanggapan pelajar terhadap PAFA dan perasaan terhadap penilaian tersebut.

Tanggapan pelajar tentang PAFA dilihat dari tiga sudut iaitu penting atau tidak PAFA, sama ada PAFA dapat membantu mendapatkan gred yang baik dalam PMR dan berguna atau tidak PAFA dalam meningkatkan penghayatan Islam.

Perasaan pelajar terhadap PAFA pula dilihat dari tiga aspek iaitu faham atau tidak pelajar terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain , penting atau tidak amalan ibadat sehari-hari dalam menjawab PAFA dan penting atau tidak FAPA dalam mendisiplin dan membentuk akhlak pelajar.

Selain itu kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan persepsi pelajar terhadap ujian PAFA dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dengan beberapa variabel seperti pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR, pekerjaan bapa atau penjaga dan juga ingin melihat persepsi pelajar terhadap peranan yang dimainkan oleh guru Pendidikan Islam dan ibu bapa pelajar.

Sampel kajian adalah terdiri daripada 60 orang pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz, Teluk Intan, Perak.

Kajian ini menggunakan kaedah 'survey '. Alat kajian yang digunakan adalah terdiri daripada satu set soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian. Bahagian A terdiri daripada butir-butir dari sampel kajian dan Bahagian B pula terdiri daripada 35 item yang bertujuan mengukur persepsi pelajar terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA).

5.3 Perbincangan

Daripada dapatan kajian yang telah dianalisis oleh pengkaji, perbincangan ini dibuat berdasarkan beberapa sub-topik mengikut soalan kajian.

5.3.1 Soalan kajian 1 : Sejauhmanakah persepsi pelajar terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain.

1. Dalam aspek tanggapan pelajar terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain dan sudut kepentingan Penilaian Perkara Asas Fardu Ain, dapatkan kajian menunjukkan 90 % pelajar bersetuju PAFA adalah penting. Peratus yang tidak bersetuju PAFA adalah penting hanya 1.7 % sahaja.

Dapatkan ini menunjukkan bahawa di kalangan pelajar, peratus yang bersetuju bahawa PAFA adalah penting jauh lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang tidak bersetuju PAFA adalah penting.

Dapatkan ini juga menunjukkan kebanyakan pelajar mempunyai tanggapan bahawa PAFA ini adalah penting dan ini amat besesuaian dengan langkah Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah mewajibkan semua pelajar Tahun 6, Tingkatan Tiga dan Tingkatan Lima menjalani Penilaian Perkara Asas Fardu Ain.

2. Dapatkan kajian menunjukkan 85 % pelajar bersetuju bahawa PAFA perlu untuk meningkatkan penghayatan perkara-perkara asas dalam Pendidikan Islam berbanding 1.7 % pelajar yang tidak bersetuju bahawa PAFA penting untuk meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam.

Dapatan di atas membuktikan bahawa di kalangan pelajar lebih 80 % pelajar setuju PAFA perlu meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam berbanding pelajar yang tidak bersetuju kurang daripada 2 %. Ini membuktikan bahawa PAFA adalah salah satu cara untuk meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam. Ini ditambah pula penilaian ini dijalankan di sekolah.

3. Dapatan kajian dalam aspek tanggapan pelajar tentang kepentingan PAFA untuk membantu pelajar mendapatkan gred yang baik dalam PMR pula menunjukkan 60 % pelajar bersetuju bahawa PAFA dapat membantu pelajar mendapatkan gred yang baik dalam PMR. Peratus pelajar yang tidak bersetuju PAFA dapat membantu pelajar mendapatkan gred yang baik dalam PMR pula hanya 10 % sahaja.

Ini jelas membuktikan bahawa sebahagian besar pelajar bersetuju bahawa PAFA dapat membantu pelajar mendapatkan gred yang baik dalam PMR berbanding hanya sebahagian kecil sahaja pelajar yang tidak bersetuju.

4. Kajian berkaitan aspek perasaan pelajar terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) pula, diukur dari sudut pemahaman pelajar tentang PAFA dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA dalam kehidupan mereka. Dapatan kajian menunjukkan 66.7 % pelajar bersetuju bahawa mereka dapat memahami dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA dalam kehidupan mereka. Peratus pelajar yang tidak bersetuju ialah 1.7 % sahaja.

Dapatan ini membuktikan bahawa di kalangan pelajar, peratus yang dapat memahami dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA dalam kehidupan mereka lebih tinggi iaitu hampir 70 % berbanding peratus pelajar yang tidak dapat memahami dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA dalam kehidupan mereka iaitu hanya 2.0 % sahaja.

5. Kajian berkaitan dengan kepentingan amalan ibadat sehari-an dalam membantu pelajar menjawab PAFA dengan baik menunjukkan hampir 75 % bersetuju bahawa amalan ibadat sehari-an dapat membantu mereka menjawab ujian PAFA dengan baik. Tiada pelajar yang tidak bersetuju bahawa amalan ibadat sehari-an dapat membantu pelajar menjawab ujian PAFA dengan baik. Dapatan ini menjelaskan bahawa di kalangan hampir 80 % pelajar bersetuju bahawa amalan ibadat sehari-an dapat membantu pelajar menjawab ujian PAFA dengan baik. Tiada pelajar yang tidak bersetuju bahawa amalan ibadat sehari-an dapat membantu pelajar menjawab ujian PAFA dengan baik.
6. Selain itu, dapatan kajian dari sudut kepentingan PAFA untuk mendisiplin dan membentuk akhlak pelajar menunjukkan 80 % pelajar bersetuju bahawa PAFA dapat mendisiplin dan membentuk akhlak berbanding peratus pelajar yang tidak bersetuju bahawa PAFA dapat mendisiplin dan membentuk akhlak pelajar hanya 1.7 % sahaja.
7. Keputusan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi pelajar terhadap PAFA dari kedua-dua aspek yang dikaji iaitu tanggapan pelajar tentang

PAFA dan perasaan pelajar terhadap PAFA dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR.

8. Dapatan ini menunjukkan persepsi pelajar terhadap PAFA tidak mempengaruhi pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR dari sudut tanggapan pelajar iaitu kepentingan PAFA kepada pelajar, sama ada PAFA dapat membantu untuk mendapatkan gred yang baik dalam PMR atau kepentingan PAFA dalam penghayatan Islam. Dari aspek perasaan pelajar terhadap PAFA seperti pemahaman pelajar tentang PAFA, kepentingan amalan ibadat sehari-hari dalam membantu pelajar menjawab PAFA dan kepentingan PAFA untuk mendisiplin dan membentuk akhlak pelajar tidak mempengaruhi pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR.
9. Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap PAFA dari kedua-dua aspek yang dikaji iaitu tanggapan pelajar terhadap PAFA dan perasaan pelajar terhadap PAFA dengan pekerjaan bapa atau penjaga.

Dapatan ini menunjukkan pekerjaan bapa atau penjaga pelajar sama ada bekerja dengan kerajaan, swasta atau sendiri tidak mempengaruhi persepsi pelajar terhadap PAFA dalam aspek tanggapan pelajar terhadap penilaian tersebut dari tiga sudut yang dikaji iaitu penting atau tidak PAFA, sama ada PAFA dapat membantu mendapatkan gred yang baik dalam PMR dan berguna atau tidak PAFA dalam meningkatkan penghayatan Islam.

Selain itu, pekerjaan bapa atau penjaga sama ada bekerja dalam perkhidmatan kerajaan, swasta dan bekerja sendiri tidak mempengaruhi persepsi pelajar terhadap PAFA dalam aspek perasaan pelajar terhadap PAFA dari tiga sudut yang dikaji iaitu faham atau tidak pelajar terhadap PAFA, penting atau tidak amalan ibadat sehari-hari dalam menjawab PAFA dan penting atau tidak PAFA dalam mendisiplin dan membentuk akhlak.

10. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR.

Hasil kajian menunjukkan persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam dari sudut kepentingan teknik pengajaran guru membantu pelajar menjawab PAFA, kekerapan pelajar berjumpa guru Pendidikan Islam, kekerapan guru Pendidikan Islam memberi maklum balas tentang kemajuan prestasi pelajar dan kemantapan ilmu tentang Islam di kalangan guru Pendidikan Islam mereka tidak mempengaruhi pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR.

11. Dapatan menunjukkan persepsi pelajar terhadap peranan ibu bapa dari empat sudut yang dikaji tidak mempengaruhi pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR. Persepsi pelajar terhadap peranan ibu bapa dilihat dari sudut peranan ibu bapa membantu pelajar dalam Ujian PAFA dan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, peranan ibu bapa dalam Pendidikan Agama, kekurangan masa mempelajari Pendidikan Islam di rumah dan

peranan ibu bapa menghantar anak mereka ke kelas Fardu Ain tidak mempengaruhi pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR.

12. Dapatan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam mengikut jantina dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR. Ini kerana persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam tidak mempengaruhi pencapaian pelajar dalam PMR mengikut jantina sama ada pelajar lelaki atau pelajar perempuan.

5.4 Kesimpulan

1. Terdapat 90 % pelajar bersetuju bahawa Penilaian Perkara Asas Fardu Ain adalah penting. Peratus ini dianggap terlalu tinggi yang dapat memperlihatkan tanggapan bahawa PAFA ini adalah penting. Peratus pelajar yang tidak bersetuju bahawa PAFA ini adalah penting begitu kecil iaitu 1.7 % sahaja.
2. Terdapat 85 % pelajar yang bersetuju bahawa Penilaian Perkara Asas Fardu Ain perlu untuk meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam. Peratus yang tidak bersetuju adalah rendah iaitu 1.7 % sahaja.
3. Terdapat 60 % pelajar bersetuju bahawa PAFA memang membantu pelajar untuk mendapatkan gred yang baik dalam PMR berbanding hanya 10 % yang tidak bersetuju.

4. Hampir 70 % (66.7 %) pelajar bersetuju bahawa mereka boleh memahami dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA dalam kehidupan berbanding hanya 1.7 % yang tidak boleh memahami dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA dalam kehidupan mereka.
5. Hampir 75 % pelajar yang bersetuju bahawa amalan ibadat sehari-hari dapat membantu mereka menjawab ujian PAFA dengan baik berbanding dengan tiada pelajar yang tidak bersetuju.
6. Lebih 80 % (81.7 %) pelajar yang bersetuju bahawa ujian PAFA dapat mendisiplin dan membentuk akhlak mereka. Peratus pelajar yang tidak bersetuju bahawa PAFA dapat mendisiplin dan membentuk akhlak pelajar adalah rendah sekitar 2 % (1.7 %).
7. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap PAFA dalam aspek tanggapan pelajar terhadap PAFA dari sudut kepentingan PAFA, kepentingan PAFA membantu mendapatkan gred yang baik dalam PMR dan kepentingan PAFA dalam meningkatkan penghayatan Islam dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR. Selain itu dalam aspek perasaan pelajar terhadap PAFA pula, dapatan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap PAFA dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR.

8. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap PAFA dengan pekerjaan bapa atau penjaga dalam aspek tanggapan dan perasaan pelajar terhadap PAFA ini.
9. Dapatan juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam dari semua sudut yang dikaji dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR. Ini merupakan suatu perkara yang di luar jangkaan dalam dapatan kajian ini. Secara umumnya pengajaran guru boleh mempengaruhi pencapaian pelajar dalam apa juga mata pelajaran. Antaranya kajian oleh Colemon (1982) di sekolah-sekolah Amerika Syarikat yang mendapati terdapatnya hubungan yang positif antara pengajaran guru dengan pencapaian akademik pelajar.
10. Dapatan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap peranan ibu bapa mereka dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR. Persepsi pelajar terhadap peranan ibu bapa diukur dari sudut ada atau tidak ibu bapa membantu pelajar dalam PAFA dan Pendidikan Islam, pernah atau tidak ibu bapa memberi galakan dan nasihat dalam pendidikan agama pelajar, kurang atau tidak masa untuk mempelajari Pendidikan Islam di rumah dan ada atau tidak ibu bapa menghantar anak mereka ke kelas Fardu Ain. Ini juga merupakan suatu keputusan kajian yang berbeza dengan kajian sebelumnya. Antaranya kajian oleh Abdul Aziz (1990) yang mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara peranan ibu bapa dan pencapaian akademik pelajar.

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian yang telah dijalankan ini hanya menumpukan kepada persepsi pelajar terhadap PAFA. Tumpuan kajian hanya kepada dua aspek sahaja iaitu tanggapan pelajar terhadap PAFA dan perasaan terhadap PAFA.

Kajian ini juga melihat hubungan antara persepsi pelajar terhadap PAFA dengan variabel lain seperti pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam, pekerjaan bapa atau penjaga, peranan guru dan peranan ibu bapa. Sehubungan itu, berikut dicadangkan tajuk dan tema kajian lanjutan yang berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap PAFA.

1. Kajian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi pelajar terhadap PAFA.
2. Kajian tentang persepsi pelajar terhadap PAFA mengikut lokasi sekolah iaitu bandar dan luar bandar.
3. Kajian tentang persepsi pelajar terhadap PAFA antara sekolah berasrama penuh dan sekolah harian biasa.